



TAWARAN KEMASUKAN PELAJAR BAHARU (TINGKATAN 4) KE MA'ALIM AL-SUNAN LI DIRASATI AL-SUNNAH AL-NABAWIYYAH, MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MSN MAIWP)

Ma'alim al-Sunan li Dirasati al-Sunnah al-Nabawiyyah (MSN) merupakan sebuah institusi pendidikan hasil cetusan idea mantan Mufti Wilayah Persekutuan dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), S.S Datuk Dr. Zulkifli bin Mohamad al-Bakri yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Objektif utama sekolah ditubuhkan adalah untuk melahirkan insan yang menjiwai sunnah Rasulullah dalam kehidupan di samping tidak mengenenepikan aspek pendidikan kontemporari.

KONSEP PELAKSANAAN PENDIDIKAN MSN MAIWP

Konsep pelaksanaan pendidikan di MSN mempunyai 4 komponen utama iaitu:

- i. Pembelajaran berasaskan KSSM dan ini meliputi peperiksaan besar seperti SPM dan juga STAM.
- ii. Pengajian ilmu-ilmu hadis yang berkaitan.
- iii. Hafazan hadis-hadis pilihan beserta dengan matan ilmu yang lain.
- iv. Pengajian kitab-kitab turath dan kontemporari dalam bidang hadis.

KEISTIMEWAAN MSN MAIWP

Antara keistimewaan MSN MAIWP adalah:

1. Sekolah pertama di Wilayah Persekutuan yang menjalankan pengajian berasaskan turath hadis.
2. Sebahagian kos pengajian dan asrama ditanggung oleh pihak MAIWP.
3. Pelaksanaan jadual pengajian yang fleksibel di antara akademik dan turath.

SYARAT-SYARAT KEMASUKAN

1. Warganegara Malaysia (lelaki sahaja).
2. Pemastautin di Wilayah Persekutuan dan anak asnaf diberikan keutamaan.
3. Pemohon berumur 16 tahun pada tahun 2022.
4. Cemerlang dalam akademik ATAU menghafaz minimum 15 juzuk Al-Quran (institusi tahfiz) ATAU menghafaz sebahagian Matan Hadis 40 & Matan Al-Ajurrummiah (institusi pondok).
5. Mempunyai minat yang mendalam dalam mempelajari kitab-kitab turath hadis dan Bahasa Arab
6. Memiliki akhlak dan sahsiah yang baik serta aktif dalam ko-kurikulum.
7. Lulus temuduga (lisan dan bertulis).

CARA MEMOHON

1. Permohonan secara atas talian (online) boleh dibuat melalui pautan berikut:



2. Butiran perlu diisi dengan lengkap dan mematuhi arahan yang telah disediakan.

TARIKH PERMOHONAN:

8 DISEMBER 2021 sehingga 31 JANUARI 2022

Segala maklumat atau pertanyaan mengenai MSN, boleh menghubungi:

Ustaz Muhaimin (019-205 0465)

atau

emelkan kepada: msnmaiwp@gmail.com



PENGAMBILAN PELAJAR BAHARU

TINGKATAN 4 SESI 2022

مَعَالِمُ السُّنَنِ لِي دِرَاسَاتِي السُّنَّاهِ النَّبَوِيَّاهِ

MA'ALIM AL-SUNAN LI DIRASATI AL-SUNNAH AL NABAWIYYAH

Permohonan secara atas talian (**online**) boleh dibuat melalui pautan yang disertakan di laman web MAIWP dan FB MSN MAIWP | Tempoh permohonan bermula dari:

8 DISEMBER 2021 SEHINGGA 31 JANUARI 2022

MSN

SYARAT KEMASUKAN

Warganegara Malaysia (**lelaki sahaja**)

Keutamaan bagi **asnaf** yang bermastautin atau menetap di Wilayah Persekutuan

Pemohon berumur **16 tahun** (Tingkatan 4)

Cemerlang dalam **akademik** ATAU menghafaz minimum **15 juzuk Al-Quran** (**institusi tahfiz**) ATAU menghafaz sebahagian **Matan Hadis 40 & Matan Al-Ajurrummiah** (**institusi pondok**)

Mempunyai **minat yang mendalam** dalam mempelajari kitab-kitab turath hadis dan Bahasa Arab

Berakhlak mulia dan **aktif** dalam ko-kurikulum

Lulus temuduga lisan dan bertulis

Ma'alim al-Sunan li Dirasati al-Sunnah al-Nabawiyyah (MSN MAIWP) merupakan sebuah institusi pendidikan menengah yang bernaung di bawah Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Objektif utama sekolah ditubuhkan adalah untuk melahirkan insan yang menjiwai sunnah Rasulullah dalam kehidupan melalui pengajian dan pembelajaran turath ilmu-ilmu hadis di samping pengajian arus perdana (kurikulum kebangsaan).

KURIKULUM (AKADEMIK & TURATH)

Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) merangkumi subjek teras dan elektif (Bahasa Arab, Pendidikan Al-Quran & Al-Sunnah dan Pendidikan Syariah Islamiah)

Pengajian Turathi
(Kitab - Kitab Hadis & Bahasa Arab)

Hafazan Hadis & Matan-Matan Ilmu Islam terpilih



Untuk maklumat lanjut, hubungi:
Ustaz Muhaimin (019-205 0465)

www.maiwp.com
Facebook: www.facebook.com/officialmsnmaiwp
E-mel: msnmaiwp@gmail.com